

# '40 tahun tak pernah banjir'

**Penduduk dakwa projek perumahan berhampiran punca banjir kilat**

ROSHILA MURNI ROSLI

JITRA

**P**enduduk berdekatan Taman Pulasan Mukim Malau di sini mendakwa projek perumahan yang sedang dilaksanakan mengakibatkan banjir kilat di kawasan itu. Seorang penduduk, Saadah Awang, 57, berkata, kawasan berkenaan tidak pernah mengalami banjir sejak mendiami rumah itu kira-kira 40 tahun lalu.

"Sejak projek berkenaan dibangunkan tahun lalu, rumah kami dinaiki air setiap kali hujan lebat. Tiga



Saadah menunjukkan peti sejuk yang diletakkan di tempat tinggi selepas air mulai masuk ke rumahnya tiga hari lalu.

hari lepas kami terpaksa mengangkat semua barangan elektrik ke tempat lebih tinggi.

"Kami tidak lena tidur kerana bimbang air melimpah ke dalam rumah," katanya di sini semalam.

Menurutnya, kandang kambing di sebelah rumahnya juga turut ditenggelami air sedalam hampir

satu meter.

"Seekor anak kambing berusia enam bulan tidak sempat diselamatkan kerana paras air sangat tinggi," katanya.

Sementara itu, pemilik kebun, Mohd Nabin Abd Rasul, 65, berkata, sebelum ini terdapat sebatang anak sungai yang akan mengalirkan hujan ke



Pokok pisang di kebun milik Mohd Nabin yang ditenggelami air baru-baru ini.

sungai berdekatan.

"Sungai itu kini sudah ditambun menyebabkan air mengalir ke kawasan rumah kami yang lebih rendah. Air bertakung menyebabkan semua pokok pisang dan durian yang saya tanam mati dan rosak.

"Ini sudah masuk kali ketiga saya tanam semula pokok terbabat dan nam-

paknya saya berhadapan dengan nasib yang sama selepas ini," katanya yang mengalami kerugian RM3,000 bagi kos pembelian anak benih, baja dan keperluan lain.

Mohd Nabin berkata, dia telah merujuk masalah berkenaan kepada pihak pemaju dan memohon sedikit pampasan bagi me-

nampung kerugian yang ditanggung namun sehingga kini belum mendapat maklum balas.

"Saya juga telah membuat aduan kepada Majlis Perbandaran Kubang Pasu (MPKP) dengan harapan masalah kami ini mendapat pembelaan," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua MPKP, Datuk Mohd Fisol Md Noh berkata, pihak pemaju perlu bertanggungjawab terhadap masalah yang dihadapi oleh penduduk di situ.

"Sekiranya dalam pelan projek itu perlu dibina saluran baharu bagi menggantikan anak sungai terbabat, mereka perlu laksanakan supaya penduduk tidak terjejas.

"Bagaimanapun, MPKP akan membuat pemantauan supaya masalah ini tidak berpanjangan dan mengundang masalah kepada penduduk," katanya ketika dihubungi di sini semalam.